

KENYATAAN PRIVASI (BAHASA MALAYSIA)

20170609

1. APAKAH KENYATAAN PRIVASI

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("APDP") telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk mengawal pemprosesan Data Peribadi dalam transaksi komersial. APDP yang terpakai kepada semua syarikat yang ditubuhkan di Malaysia, memerlukan kami untuk memaklumkan anda tentang hak-hak anda berkenaan dengan Data Peribadi anda yang sedang diproses atau yang akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya oleh kami dan tujuan untuk pemprosesan data tersebut. APDP juga memerlukan kami untuk mendapatkan persetujuan anda dengan pemprosesan Data Peribadi anda.

Oleh itu, kami ingin anda memahami bagaimana kami menggunakan Data Peribadi anda dan cara-cara di mana anda boleh melindungi privasi anda. Kenyataan Privasi ini menerangkan mengenai jenis maklumat yang dikumpul, cara maklumat ini digunakan dan disimpan, dengan siapa yang maklumat tersebut akan dikongsi, bagaimana anda boleh menarik diri dan bagaimana anda boleh mengubah suai Data Peribadi anda yang dipegang oleh kami dan apa-apa perubahan lain yang telah dibuat dari semasa ke semasa.

2. UMUM

Semua perkataan huruf besar yang tidak ditakrifkan di dalam Kenyataan Privasi akan mempunyai makna yang sama seperti yang dinyatakan di dalam WiMAX General Terms and Conditions ("Terma Umum") dan terma-terma dan syarat-syarat yang berkaitan dengan anda. Kenyataan Privasi ini diperbadankan dan membentuk sebahagian daripada Terma Umum.

3. PINDAAN

Kenyataan Privasi kami mungkin diubah dari semasa ke semasa tanpa notis. Oleh itu, sila lihat Kenyataan Privasi kami dari masa ke semasa, terutamanya sebelum anda memberikan kepada kami apa-apa Data Peribadi anda. Kenyataan Privasi ini kali terakhir dikemaskini pada tarikh yang dinyatakan di atas. Sekiranya anda terus memasuki dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami selepas sebarang perubahan, pindaan, atau pengubahsuaian kepada Pernyataan Privasi ini, ia menandakan persetujuan anda kepada syarat-syarat Kenyataan Privasi yang telah dipinda.

4. NASIHAT IBU BAPA

SATU ATAU LEBIH DARIPADA SATU KANDUNGAN YANG TERDAPAT DI DALAM LAMAN WEB DAN/ATAU PERKHIDMATAN KAMI MUNGKIN TIDAK AKAN DIBEKALKAN KEPADA ANDA SEKIRANYA

ANDA DI BAWAH UMUR 18 TAHUN KERANA IA BERKEMUNGKINAN BOLEH MEMBEKALKAN AKSES KEPADA KANDUNGAN EXPLISIT TERMASUK YANG MELIBATKAN PENGGUNAAN BAHASA YANG TIDAK SENONOH DAN/ATAU RUJUKAN SEKSUAL. TAMBAHAN LAGI, KAMI HANYA AKAN KONTRAK DENGAN ANDA SEKIRANYA ANDA BERUMUR 18 TAHUN DAN KE ATAS. OLEH ITU, SILA MENDAPATKAN KEBENARAN DARIPADA IBUBAPA ATAU PENJAGA ANDA SEBELUM MENGAKSES DAN/ATAU MENGGUNAKAN LAMAN WEB DAN/ATAU PERKHIDMATAN KAMI KECUALI SEKIRANYA ANDA TELAH MEMPEROLEHI KEBENARAN DARIPADA IBU BAPA ATAU PENJAGA ANDA. JIKA ANDA MEMPUNYAI SEBAB UNTUK PERCAYA BAHAWA SESEORANG KANAK-KANAK DI BAWAH UMUR 18 TAHUN TELAH MEMBERIKAN DATA PERIBADANYA KEPADA KAMI MELALUI LAMAN WEB TERSEBUT, SILA HUBUNGI KAMI DAN KAMI AKAN BERUSAHA UNTUK MEMADAMKAN MAKLUMAT TERSEBUT DARIPADA PANGKALAN DATA (*DATABASE*) KAMI. SEKIRANYA TIDAK, SEMUA DATA PERIBADI YANG DIBERIKAN OLEH SESEORANG PENGGUNA AKAN DIANGGAP SEBAGAI PEMBERIAN OLEH SEORANG PENGGUNA YANG BERUMUR 18 TAHUN KE ATAS ATAU TELAH MENDAPATKAN KEBENARAN YANG BERKAITAN DARIPADA IBUBAPA/PENJAYANYA.

5. BILAKAH KENYATAAN PRIVASI INI BOLEH DIGUNAPAKAI KE ATAS ANDA

Kenyataan Privasi ini adalah digunapakai ke atas anda sebaik saja anda mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami.

6. ADAKAH PERLU UNTUK KAMI MENGUMPUL DAN MEMPROSES DATA PERIBADI ANDA

Ya, kami perlu mengumpul dan memproses Data Peribadi anda untuk membolehkan kami membekalkan anda dengan akses dan/atau penggunaan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami dan kami memerlukan persetujuan anda untuk mengumpul dan memproses Data Peribadi kamu, yang mana sekiranya tidak, kami tidak dapat membekalkan anda dengan akses dan/atau penggunaan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami.

7. MAKLUMAT YANG KAMI KUMPULKAN

Kami akan mengumpul maklumat melalui (2) cara:-

- (a) **DATA PERIBADI YANG DIBERIKAN KEPADA KAMI OLEH ANDA ATAU PIHAK KETIGA.** Kami mengumpul maklumat (seperti nama, jantina, alamat surat menyurat, nombor Kad Pengenalan, paspot, visa pelajar, visa kerja, tarikh lahir, nombor telefon, nombor faks, alamat emel, butiran kad kredit/debit, gambar, cap jari, dan lain-lain) apabila anda dengan relanya memberikan maklumat tersebut kepada kami apabila diperlukan. Selain daripada Data Peribadi yang diperolehi secara terus daripada anda, kami juga mungkin mendapat Data Peribadi anda daripada pihak ketiga yang berurusan dengan kami dan daripada sumber-sumber lain di mana anda telah memberi kebenaran anda atau memberikuasa untuk pendedahan Data Peribadi tersebut.
- (b) **MAKLUMAT YANG KAMI PEROLEHI DARIPADA PENGGUNAAN LAMAN WEB DAN/ATAU PERKHIDMATAN KAMI OLEH ANDA.** Apabila anda berinteraksi dengan kami melalui Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami, kami mungkin mengumpul atau menerima dan

menyimpan sesetengah maklumat peribadi yang tidak boleh dikenalpasti. Maklumat seperti ini adalah dikumpul secara pasif melalui pelbagai teknologi dan tidak boleh digunakan buat masa ini untuk mengenalpasti identiti anda. Maklumat seperti ini termasuk:-

- maklumat khusus-peranti seperti model perkakasan, versi sistem pengendalian, pengecam peranti unik, maklumat rangkaian mudah alih, memori, data kad bunyi, alamat Protokol Internet (IP).
- cookies yang boleh secara uniknya mengenal pasti pelayar anda. Ini adalah dijelaskan secara terperinci di bawah.
- maklumat tentang cara anda mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami seperti pertanyaan carian anda.
- jumlah pelawat yang mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami.
- diagnostik dan penggunaan data yang dijana oleh peranti anda. Ini adalah dijelaskan secara terperinci di bawah.
- bagaimana anda dan pengguna-pengguna lain mengguna dan berinteraksi dengan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami.

Kesemua perkara di atas adalah dirujuk secara kolektif sebagai "Maklumat". Sekiranya kami menggabungkan maklumat bukan peribadi dengan Data Peribadi, maklumat yang digabungkan tersebut akan dianggap sebagai Data Peribadi selama ia kekal bergabung.

Sebagai usaha berterusan untuk memahami dan memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada kamu, kami sering menjalankan penyelidikan mengenai demografi, minat, dan tingkah laku pelanggan berdasarkan Data Peribadi dan Maklumat yang telah dibekalkan kepada kami. Hasil penyelidikan ini mungkin akan disusun dan dianalisis secara agregat. Kami mungkin akan berkongsi data tidak boleh dikenalpasti dan agregat ini dengan Sekutu kami dan/atau Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa (seperti yang ditakrifkan kemudian selepas ini) tetapi data tidak boleh dikenalpasti dan agregat ini tidak mengenalpasti anda secara peribadi. Kami juga mungkin akan mendedahkan statistik agregat pengguna kami bagi tujuan penerangan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami kepada Sekutu kami dan/atau Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa untuk memenuhi apa-apa tujuan yang sah.

"Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa" bermaksud rakan niaga, kontraktor, ejen, juruaudit, penasihat, mana-mana pembekal perkhidmatan telekomunikasi yang mempunyai pengaturan bersama kami berkenaan dengan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami dan/atau pembekal pihak ketiga yang dilantik oleh kami bagi tujuan pembekalan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami kepada anda.

8. PENGGUNAAN DATA PERIBADI DAN MAKLUMAT ANDA

Kami menggunakan Data Peribadi dan Maklumat yang dibekalkan oleh anda dalam cara yang konsisten dengan Kenyataan Privasi ini. Sekiranya anda telah memberikan Data Peribadi anda atas sebab-sebab tertentu, kami boleh menggunakan Data Peribadi anda selaras dengan sebab-sebab tersebut untuk mana ia telah dibekalkan. Data Peribadi dan Maklumat anda juga mungkin digunakan oleh kami, Sekutu kami, dan/atau Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa untuk satu atau lebih daripada tujuan-tujuan berikut:-

- (a) menilai permohonan anda,
- (b) mentadbir penyertaan Peraduan anda,
- (c) semakan kredit dengan Agensi Pelaporan Kredit dan pemeriksaan terhadap Pangkalan Data BCI,
- (d) untuk mengendalikan dan membekalkan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami kepada anda,
- (e) mentadbir akaun anda,
- (f) pentadbiran teknikal Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami,
- (g) untuk mengesahkan dan memproses pembayaran,
- (h) untuk mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan kegagalan pembayaran,
- (i) untuk berkomunikasi dengan anda,
- (j) untuk membalas pertanyaan anda,
- (k) untuk penyelidikan dan pembangunan,
- (l) untuk mengesan dan mencegah aktiviti penipuan,
- (m) penyiasatan aduan dan transaksi yang mencurigakan yang disyaki,
- (n) untuk mematuhi mana-mana Pihak Berkuasa Yang Berkenaan dan/atau Undang-undang,
- (o) untuk memprofilan pilihan Perkhidmatan,
- (p) untuk menjalankan penyelidikan pasaran dan menggunakan analisis itu bagi pelan perniagaan kami, peningkatan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami, iklan yang disasarkan, dan menyampaikan maklumat sedemikian secara am kepada Sekutu kami, Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa, dan/atau pihak ketiga yang mempunyai atau bercadang untuk mempunyai urusan perniagaan dengan kami,
- (q) analisis statistik,
- (r) untuk membekalkan anda dengan maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kami yang lain, Sekutu kami, dan/atau Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa,
- (s) untuk menghantar maklumat, promosi, kemaskini termasuk pemasaran dan bahan-bahan pengiklanan berhubung dengan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami dan Sekutu kami, dan/atau Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa,
- (t) aktiviti perniagaan kami lain yang sah, dan/atau
- (u) apa-apa aktiviti lain yang bersampingan dengan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami.

Kesemua perkara di atas adalah dirujuk secara kolektif sebagai "Tujuan" di dalam Kenyataan Privasi ini.

Anda mewakili dan menjamin bahawa persetujuan pengguna lain yang mana Data Peribadinya telah diberikan oleh kamu kepada kami dalam apa-apa permohonan dan/atau yang didedahkan kepada kami, telah diperolehi untuk membolehkan kami memprosesnya untuk Tujuan yang dinyatakan di atas.

Sekiranya kami berniat untuk menggunakan mana-mana Data Peribadi dalam apa-apa cara yang tidak konsisten dengan Pernyataan Privasi ini, anda akan dimaklumkan berkenaan penggunaan yang didugakan tersebut sebelum atau pada masa di mana Data Peribadi tersebut dikumpul.

9. PENDEDAHAN DATA PERIBADI ANDA

Kami bukan menjalankan perniagaan untuk menjual Data Peribadi anda. Kami menganggap maklumat ini sebagai sebahagian penting daripada perhubungan kami dengan anda. Maka kami tidak akan

menjual atau menyewa Data Peribadi anda kecuali dan melainkan seperti yang telah dinyatakan di sini. Walau bagaimanapun, kami mungkin akan berkongsi Data Peribadi anda dengan sesetengah pihak ketiga tanpa sebarang notis kepada anda, dalam keadaan yang dinyatakan di bawah.

Pemindahan Perniagaan. Berikutan pembangunan perniagaan kami, kami mungkin akan menjual atau memperoleh perniagaan-perniagaan atau aset-aset. Dalam keadaan di mana terdapat penjualan, penggabungan, penyusunan semula, pembubaran korporat atau apa-apa keadaan yang serupa, Data Peribadi mungkin membentuk sebahagian daripada aset yang dipindahkan.

Sekutu. Kami mungkin berkongsi Data Peribadi anda dengan Sekutu kami bagi tujuan selaras dengan Kenyataan Privasi ini.

Keperluan Undang-undang. Untuk mematuhi sebarang perintah mahkamah atau arahan daripada pihak-pihak berkuasa yang sedang menyiasat sebarang kesalahan, salah laku, dan/atau penyalahgunaan yang didakwa berlaku atau untuk menguatkuasa apa-apa terma dan syarat yang terpakai terhadap anda, atau di mana tindakan sedemikian adalah perlu untuk melindungi dan mempertahankan hak-hak atau harta kami.

Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa. Di mana perkhidmatan-perkhidmatan tertentu daripada Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa adalah diperlukan, kami akan berkongsi Data Peribadi anda atas dasar sulit. Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa tersebut tidak akan dibenarkan untuk menggunakan maklumat peribadi anda yang telah kami dedahkan kepadanya melainkan untuk membekalkan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu.

Agensi Penilaian Kredit. Kami akan mendedahkan Data Peribadi dan maklumat berkenaan dengan pengendalian akaun atau akaun perniagaan anda kepada mana-mana Agensi Penilaian Kredit pada bila-bila masa. Data Peribadi dan maklumat yang dibekalkan kepada mana-mana Agensi Penilaian Kredit mungkin akan seterusnya didedahkan kepada pelanggan-pelanggan perkhidmatan mereka.

Operator Telekomunikasi. Kami mungkin mendedahkan Data Peribadi anda kepada pembekal perkhidmatan kami yang menyelenggara Pangkalan Data BCI yang seterusnya mungkin akan didedahkan kepada operator-operator telekomunikasi yang lain yang mempunyai akses kepada Pangkalan Data BCI tersebut.

10. PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN PIHAK KETIGA

Laman Web kami mungkin mengandungi pautan atau platform kepada aplikasi, laman web dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan pihak ketiga untuk membolehkan pembekalan perkhidmatan tertentu kepada anda ("Perkhidmatan-perkhidmatan Pihak Ketiga"). Perkhidmatan-perkhidmatan Pihak Ketiga ini mungkin mengandungi, dari masa ke semasa, pautan ke laman web lain. Kami tidak bertanggungjawab terhadap amalan privasi atau isi kandungan laman web kepunyaan pihak ketiga. Anda harus menyemak polisi privasi Perkhidmatan-perkhidmatan Pihak Ketiga yang berkenaan. Kenyataan Privasi ini hanya terpakai kepada Data Peribadi dan Maklumat yang dikumpul oleh kami.

11. COOKIES

Apakah itu Cookie?

Semasa anda mengakseskan dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami, cookie akan dihantar ke peranti anda secara automatik. Cookie merupakan fail bersaiz kecil mengandungi rentetan aksara yang ditempatkan dalam cakera keras peranti anda untuk membolehkan pelayan (server) kami mengecam peranti anda. Secara umumnya, cookie hanya merekodkan bahagian mana-mana laman web yang telah dilawati peranti tersebut dan tempoh masa. Ramai laman web dan/atau aplikasi perisian berbuat demikian apabila seseorang pengguna melawat lawat web mereka untuk mengesan aliran trafik laman web.

Tergantung pada jenis peranti yang anda sedang gunakan, anda mungkin boleh tetapkan peranti anda untuk menerima semua cookie, memaklumkan anda apabila cookie dihantar, atau menolak semua cookie pada bila-bila masa. Sekiranya anda memilih untuk menolak semua cookie yang dihantar pada bila-bila masa, ia bermakna bahawa sesetengah ciri perkhidmatan yang disesuaikan mungkin tidak dapat dibekalkan kepada anda.

Cookie kami:-

Kami menggunakan "cookie" untuk menyimpan dan mengesan maklumat tentang anda dan akses dan/atau penggunaan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami oleh anda.

Cookie kami dan maklumat yang dikutip dari cookie kami adalah digunakan selaras dengan penggunaan yang dinyatakan di dalam Kenyataan Privasi ini dan secara khususnya:-

- untuk membantu menyimpan dan mendapat kembali kata laluan yang digunakan di Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami. Dengan ini, anda tidak perlu memasuki semula maklumat pada setiap lawatan baru ke Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami.
- untuk mengesan maklumat seperti kekerapan dan tempoh masa akses dan/atau penggunaan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami oleh anda, *klik-strim* anda apabila anda menggunakan Perkhidmatan kami, laman web keutamaan anda dan membantu kami mengenalpasti samada anda datang ke Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami daripada pautan internet tertentu atau banner iklan.
- untuk menganalisa profil pelawat dan pengguna untuk membantu kami dalam memberikan anda akses dan/atau penggunaan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami yang lebih baik dan untuk meningkatkan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami.
- untuk menyesuaikan kandungan, banner, dan promosi yang anda akan lihat dalam Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami..

Kebanyakan cookie adalah "cookie sesi", maknanya mereka akan dipadamkan secara automatik daripada peranti anda pada penamatan suatu sesi. Anda adalah bebas untuk menolak cookie sekiranya dibenarkan oleh tetapan peranti anda, walaupun ia bermakna bahawa anda mungkin tidak dapat menggunakan sesetengah ciri-ciri Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami dan anda mungkin diperlukan untuk memasuki kata laluan anda dengan lebih kerap pada setiap sesi.

Cookie Pihak Ketiga:

Kami mungkin membenarkan pihak ketiga untuk menunjukkan iklan apabila anda mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami. Dalam proses menunjukkan iklan, pihak ketiga mungkin menempatkan atau mengenalpasti cookie yang unik dalam peranti anda. Pihak ketiga tersebut mungkin menggunakan maklumat yang dikutip daripada cookie mereka untuk menyediakan iklan di Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami dan produk dan perkhidmatan lain yang mungkin menarik minat anda

KAMI TIDAK MEMPUNYAI AKSES KEPADA ATAU KAWALAN TERHADAP COOKIE PIHAK KETIGA DAN MEREKA ADALAH TIDAK TERTAKLUK KEPADA KENYATAAN PRIVASI KAMI. SILA MENYEMAK POLISI PRIVASI MEREKA UNTUK MAKLUMAT LANJUT. Jika anda ingin menghalang pihak ketiga tersebut dari menghantar dan membaca cookie pada peranti anda, anda akan perlu untuk melawat setiap laman web mereka secara individu untuk meminta agar anda dikeluarkan daripada sistem tersebut.

12. DIAGNOSTIK DAN DATA PENGGUNAAN

Kami ingin anda membantu menambahbaik kualiti dan prestasi Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami. Kami boleh mengumpul diagnostik dan maklumat penggunaan daripada peranti yang digunakan oleh anda untuk analisis. Maklumat tersebut akan diserahkan kepada kami tanpa nama. Tiada maklumat yang diserahkan tersebut boleh mengenal pasti anda secara peribadi dan tidak mengandungi sebarang gambar atau teks anda. Sekiranya anda membenarkan kami mengumpul diagnostik dan maklumat penggunaan, ia mungkin mengandungi laporan tentang ranap aplikasi dan maklumat tentang ciri-ciri Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami yang digunakan oleh anda dan kekerapannya. Data ini juga akan menunjukkan jenis peranti yang anda gunakan dan versi sistem pengendaliannya. Fungsi laporan diagnostik dan maklumat penggunaan adalah diaktifkan secara lalai.

13. MENARIK BALIK, TUKAR, KEMASKINI, DAN AKSES KEPADA DATA PERIBADI ANDA

Anda mungkin boleh mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami tanpa memberikan kami apa-apa Data Peribadi anda. Jika anda memilih untuk tidak memberikan apa-apa Data Peribadi anda, anda mungkin tidak dapat mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami yang tertentu.

Walau bagaimanapun, sekiranya anda memilih untuk memberikan kepada kami Data Peribadi anda, kami juga berkemungkinan menggunakan Data Peribadi anda untuk menghubungi anda pada masa yang akan datang untuk memberitahu anda tentang perkhidmatan-perkhidmatan kami yang kami percayai mungkin diminati oleh anda.

Sehubungan dengan pemasaran langsung, anda boleh membuat permohonan bertulis kepada kami supaya tidak memproses Data Peribadi anda.

Anda boleh menulis kepada kami melalui alamat emel yang dinyatakan di dalam Kenyataan Privasi ini pada bila-bila masa untuk mendapatkan butiran Data Peribadi anda yang dipegang oleh kami. Sila nyatakan nama, nombor kad pengenalan, dan nombor telefon bimbit anda. Ia juga membantu

sekiranya anda memberikan butiran ringkas berkenaan maklumat yang mana anda ingin meminta sesalinan. Kami mungkin mengenakan jumlah pemprosesan munasabah yang dibenarkan oleh undang-undang untuk menampung kos pentadbiran kami.

Kami menyimpan hak untuk tidak membekalkan sesalinan Data Peribadi anda, tetapi akan memberi alasan untuk penolakan kami.

Kami akan mengekalkan Data Peribadi anda dalam rekod perniagaan kami sepanjang waktu anda mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami. Kami juga akan mengekalkan maklumat tersebut untuk suatu tempoh masa selepas anda tidak lagi merupakan pelanggan kami atau anda telah berhenti mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami sekiranya maklumat tersebut adalah perlu untuk Tujuan yang mana ia dikumpul atau untuk memenuhi keperluan undang-undang.

14. SEKURITI

Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami mungkin bukanlah perantara yang selamat dan komunikasi yang dilakukan melalui Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami mungkin boleh dipintas oleh pihak ketiga. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang akses tidak sah atau kehilangan Data Peribadi.

Kami telah menerapkan dasar-dasar dan peraturan-peraturan keselamatan dan langkah-langkah teknikal untuk melindungi Data Peribadi anda daripada pengaksesan tidak sah, penggunaan dan pendedahan tidak patut, pengubahsuaian tidak sah, pemusnahan yang tidak sah, atau kehilangan yang tidak diingini. Semua pekerja dan pemproses data kami, yang mempunyai akses kepada dan berkaitan dengan pemprosesan Data Peribadi, adalah diwajibkan untuk menghormati kerahsiaan maklumat anda.

Walaupun kami tidak boleh menjamin bahawa kehilangan, penyalahgunaan, atau perubahan Data Peribadi tidak akan berlaku, kami akan mengambil langkah yang munasabah untuk mengelakkan insiden-insiden yang tidak dimahukan daripada berlaku.

Data Peribadi yang kami kumpulkan daripada anda akan disimpan dan disandar dengan selamat di lokasi yang terhad dan terkawal. Hanya orang-orang yang disahkan dari syarikat kami yang mempunyai ID pengguna dan kata laluan boleh mengakses maklumat tersebut.

Anda harus ingat untuk log keluar daripada sistem kami selepas mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami supaya tiada sesiapa yang tidak disahkan boleh mempunyai akses kepada Data Peribadi anda. Anda tidak harus, pada bila-bila masa, mendedahkan Data Peribadi anda kepada mana-mana pihak ketiga.

15. PEMINDAHAN DATA PERIBADI DAN MAKLUMAT ANDA KE LUAR NEGARA

Ia mungkin perlu untuk kami memindahkan Data Peribadi dan Maklumat anda kepada Sekutu kami dan/atau Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa yang berlokasi di luar Malaysia. Ia mungkin berlaku apabila

Sekutu kami dan/atau Pihak Ketiga yang Diberi Kuasa adalah berlokasi di luar Malaysia atau semasa anda mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami dari luar negara. Dengan terus untuk mengakses dan/atau menggunakan Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami, anda telah bersetuju dengan pemindahan sedemikian.

16. HUBUNGI LAMAN WEB INI

Sekiranya anda mempunyai apa-apa pertanyaan mengenai Laman Web dan/atau Perkhidmatan kami atau Data Peribadi anda, sila hubungi kami di:-

Nama: Pegawai Perlindungan Data Peribadi
Alamat: webe digital sdn bhd
159 Jalan Templer
46050 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.
Emel: careline@p1.com.my

17. BAHASA

Dalam keadaan konflik berkenaan penggunaan istilah dan/atau tafsiran Kenyataan Privasi ini di antara Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, penggunaan istilah dan/atau tafsiran yang diberikan di dalam versi Bahasa Inggeris hendaklah diberi keutamaan.

[baki halaman ini dibiarkan kosong dengan sengaja]